



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	23 October 2015



Najib menandatangani Laporan Ekonomi 2015/2016 ketika meninjau persiapan akhir Bajet 2016 sambil diperhatikan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah (dua dari kanan); Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa dan Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Johari Abdul Ghani (dua dari kiri) di Kementerian Kewangan di Putrajaya, malam tadi. [FOTO BERNAMA]

BH - 23/10/2015

Tumpu perkukuh daya saing ekonomi negara



» Langkah proaktif urus impak kelemahan luaran, pastikan kesejahteraan rakyat

Putrajaya

Bajet 2016 akan memberi tumpuan kepada pengukuhan daya tahan ekonomi negara, menguruskan impak kelemahan luaran serta mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Sehubungan itu, dalam pembentangan bajet hari ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan menggariskan langkah bagi melindungi ekonomi Malaysia dalam persekitaran ekonomi global serba mencabar.

Walaupun mengakui kejatuhan harga minyak dan gas telah menyebabkan penurunan hasil kerajaan, Perdana Menteri menekankan langkah proaktif yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan kesannya, terutama langkah yang dilaksanakan untuk mempelbagaikan ekonomi lebih tahun lalu.

"Dua perkara yang kita lakukan untuk meningkatkan daya tahan adalah untuk memperkenalkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) serta rasionalisasi subsidi. Lanekah berkenaan menjadi

penyelamat kita (negara).

"Kutipan GST adalah lebih tinggi daripada yang dijangkakan, disumbangkan oleh pematuhan yang lebih tinggi, dan kita bernasib baik kerana mempunyai sumber lain, ditambah langkah berhemat kerajaan dalam perbelanjaan," kata Perdana Menteri menerusi kenyataan semalam.

Di sebalik kejatuhan harga minyak dan cabaran yang dihadapi oleh pasaran baharu muncul pasaran di seluruh dunia, Perdana Menteri menegaskan asas ekonomi Malaysia kekal kukuh dengan pertumbuhan dijangka 4.5 hingga 5-5 peratus tahun ini, inflasi pada 2 hingga 2.5 peratus dan kadar pengangguran stabil.

Justeru, katanya, kerajaan berada pada kedudukan yang baik untuk terus mengutamakan kebajikan rakyat termasuk memberi bantuan, khusus untuk golongan yang mudah terjejas.

Tangani kos sara hidup

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, ia termasuk memberi bantuan bagi menangani peningkatan kos sara hidup, menyokong sektor swasta dengan dasar properniagaan, dan memastikan pertumbuhan inklusiC meningkatkan pembangunan modal insan, serta meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi hijau.

"Saya ada rancangan dan ia (ternyata) membuahkan hasil. Saya tidak akan terganggu kerana kesannya amat serius jika rancangan ini tidak dijayakan.

"Bajet 2016 akan memperlihatkan bagaimana pelan itu memperbaiki taraf hidup semua rakyat Malaysia dan langkah kita seterusnya adalah ke arah mencapai Wawasan 2020 dan status negara maju.

"Masa depan dan kebajikan seluruh rakyat Malaysia adalah keutamaan saya," katanya yang akan membentangkan bajet pertama bagi Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

Habuan untuk rakyat

Sementara itu, pegawai kanan Kementerian Kewangan berkata, Bajet 2016 dijangka masih beriiupaya memberi 'habuan' tertentu kepada rakyat, di sebalik kekangan hasil kerajaan susulan penurunan ketara pendapatan sektor komoditi, khususnya minyak dan gas selain penyusutan ringgit.

Habuan yang bakal diumumkan oleh Perdana Menteri dijangka menurus terha-

dap usaha untuk meringankan beban kos sara hidup rakyat.

Manfaat berkenaan dijangka dinikmati semua orang, khususnya kumpulan berpendapatan rendah, selain kelas pertengahan, namun rakyat tidak wajar mengharapkan habuan yang tidak realistik.

Pegawai berkenaan juga menerangkan bagaimana GST yang dikritik hebat oleh pelbagai pihak, terutama pembangkang, sebenarnya murtcul sebagai penyelamat dalam menyumbang kepada hasil kerajaan.

"GST membantu menampung impak penurunan ketara harga minyak mentah yang kini sekitar AS\$51 setong. Tanpa GST, kita akan berhadapan masalah besar.

"Fokus Bajet 2016 adalah ke atas usaha melaksanakan perkara perlu, terutama menjaga kebajikan rakyat. Projek infrastruktur seperti Transit Aliran Ringan dan Mass Rapid Transit, serta Lebuhraya Pan Borneo akan diteruskan," katanya pada taklimat mengenai teras Bajet 2016 di sini, semalam.

Mengenai perjanjian Perdagangan Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), pegawai itu berkata Malaysia akan memperoleh manfaat besar jika menyertainya kerana banyak syarikat asing, terutama dari China, berminat menggunakan Malaysia sebagai pangkalan pelaburan bagi mengeksplorasi pasaran 12 ekonomi yang diperluas kerana Beijing tidak termasuk dalam pakatan itu.

Kerajaan berada pada kedudukan yang baik untuk terus mengutamakan kebajikan rakyat termasuk memberi bantuan, khusus untuk golongan yang mudah terjejas"
Najib Razak, Perdana Menteri